

Tolak laporan *Harakahdaily*, tiada pihak luar cuba jejakkan imej MPP

# UMS dikuasai Revolusi Mahasiswa

Oleh Sitti Nor Azizah Talata  
utusanabah@utusan.com.my



**KOTA KINABALU** 22 Mac - Revolusi Mahasiswa memenangi lima kerusi umum dan 19 kerusi fakulti dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Februari lalu.

Kemenangan itu membolehkan mereka meraih 24 kerusi, sekali gus menewaskan pesaingnya, Pro Mahasiswa yang hanya memenangi lapan kerusi pada pemilihan itu. Presiden MPP, Khalil Sabu (**gambar**) ber-

kata, keputusan itu menjelaskan kedudukan sebenar bahawa UMS bukan dikuasai oleh Pro Mahasiswa seperti yang dilaporkan dalam akhbar *Harakahdaily* dan sebuah media elektronik baru-baru ini.

"Ia sekali gus menolak laporan pihak berkenaan bahawa UMS adalah antara lapan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dikuasai Pro Mahasiswa," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Khalil berharap, selepas ini tiada pihak luar yang cuba menjejaskan imej MPP UMS

dengan mengeluarkan kenyataan yang tidak benar dan tepat.

Ahli alumni Revolusi Mahasiswa UMS, Muhammad Nor Madih berkata, pihaknya kesal dengan kenyataan itu kerana ia dibuat tanpa usul periksa dan menggunakan fakta salah.


"Perkara ini sepatutnya tidak berlaku. Terdapat institusi pengajian tinggi yang dikaitkan dengan parti politik luar apabila ada kumpulan tertentu tewas dalam pilihan raya.

"Ini sememangnya tidak berasas kerana pilihan raya kampus yang berlangsung di seluruh IPT berlangsung secara neutral dan sepatutnya tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik," katanya.



## TERTARIK

SEBAGIAN pelajar dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial serta Hubungan Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UNS) tertarik membaca akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* yang berwajah baru di UMS, Kota Kinabalu, semalam.



BARISAN Majlis Perwakilan Pelajar UMS yang baru pada majlis ikrar di Kota Kinabalu, baru-baru ini.